



Tarikh: 16 Jun 2022

Encik Vivekananda Sukumaran

Pengerusi Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

Encik Nimalan Devaraja

Pengerusi Bersama

Jawatankuasa Amalan Sivil & Perhubungan Mahkamah

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

Cik Lim Yin Faye

Pengerusi Bersama

Jawatankuasa Amalan Sivil & Perhubungan Mahkamah

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

Prosedur Operasi Standard Bagi Permohonan Nota Keterangan / Nota Prosiding

2. Dengan segala hormatnya saya diarah oleh YBr. Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur untuk merujuk kepada surat tuan-puan bertarikh 20 April 2022 berhubung perkara di atas.
3. Dimaklumkan bahawa pihak Mahkamah Kuala Lumpur mengambil perhatian yang serius kepada maklum balas yang diberikan oleh pihak Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur yang memaklumkan bahawa terdapat amalan/arahan yang berbeza mengenai pembekalan Nota Prosiding kepada pihak-pihak di peringkat Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Rendah Sivil di Kuala Lumpur.
4. Maklum balas pihak Mahkamah Kuala Lumpur kepada perkara tersebut adalah bahawa salinan Nota Prosiding boleh didapati melalui cara berikut:-

Nota Prosiding (kertas minit prosiding) bagi kes yang didaftarkan secara e-filing	Nota Prosiding boleh didapati daripada portal https://ecourt.kehakiman.gov.my/ secara dalam talian dengan langkah berikut (tertakluk kepada kelulusan mahkamah):-
---	--

	<p>1. Beli Tiket (secara dalam talian) untuk Carian Fail Dalam Talian</p> <p>1. Buat Carian Dalam Talian (setelah tiket carian dibeli secara dalam talian)</p> <p><i>*rujuk lampiran</i></p>
Salinan rakaman perbicaraan	<p>Rakaman prosiding (prosiding yang dirakam di mahkamah terbuka menggunakan sistem rakaman audio-visual) boleh didapati melalui borang permohonan Lampiran B (di bawah Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil.9 Tahun 2011) (tertakluk kepada kelulusan mahkamah).</p> <p>(<i>*rujuk lampiran yang sama di atas</i>)</p>

4. Bagi Nota Keterangan pula, adalah disahkan bahawa pihak peguam atau litigan adalah bebas untuk membuat sendiri transkripsi nota keterangan atau melalui pihak ketiga dan tiada sebarang punca kuasa/ peruntukan arahan yang mengehadikan ia hanya boleh disediakan oleh jurubahasa mahkamah sahaja.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

ASHRAF REZAL BIN ABDUL MANAN
Timbalan Pendaftar
Unit Hakim Pengurus Bahagian Dagang
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur